

Anda dinasihatkan untuk hadir di Kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan **45 minit lebih awal dari masa janji temu** yang diberi bagi tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur

- Sekiranya anda datang lewat daripada masa janji temu anda, pemeriksaan anda berkemungkinan akan dijadualkan ke tarikh yang lain.
- Pastikan anda hadir awal untuk mengelakkan masalah kesesakan lalu lintas , tempat letak kereta dan lain-lain.
- Sila bawa kad pengenalan/ passport untuk tujuan pengesahan.

Sila bawa slip janji temu dan sebarang imej pemeriksaan dari hospital lain pada hari janji temu anda (sekiranya ada). Contoh: Filem Sinar-X, CT Scan, Ultrasound dan sebagainya

Jika anda tidak dapat menghadiri janji temu anda, sila hubungi :

Tel: 03-79496771 (Kaunter Janji temu Ultrasound)

- Sila maklumkan kami 2 minggu lebih awal atau secepat yang mungkin sekiranya anda tidak dapat menghadiri janji temu ini.
- Anda akan dihubungi sekiranya terdapat sebarang perubahan pada tarikh janji temu yang diberikan.
- Sekiranya terdapat pertukaran pada nombor telefon anda, sila hubungi nombor telefon di atas untuk makluman kami.
- Sila simpan nombor telefon di atas dalam telefon bimbit anda supaya anda dapat mengenalpasti sebarang panggilan daripada pihak hospital berhubung janji temu anda.

JABATAN PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN

PPUM

JANJI TEMU & MAKLUMAT PEMERIKSAAN ULTRASOUND

BAHAGIAN PEMERIKSAAN:

NAMA:

NOMBOR PENDAFTARAN:

TARIKH JANJI TEMU:

MASA JANJI TEMU:PAGI/PETANG

CAJ PROSEDUR: RM.....DEPOSIT: RM.....

CAJ ALATAN (Kaunter PharmUMMC) : RM

NAMA ALATAN PERUBATAN :.....

ALAHAN/ ASMA: TIDAK/ YA

TARIKH HAID TERAKHIR:

JANJI TEMU DIBERI OLEH:

Peringatan: Sila baca semua maklumat dalam risalah dengan teliti

Apakah itu Ultrasound?

- Ultrasound adalah pemeriksaan yang menggunakan gelombang bunyi untuk menghasilkan imej-imej organ dan struktur badan kita.
- Pemeriksaan ini menunjukkan gambaran yang lebih jelas berkenaan saiz, struktur dan sebarang abnormaliti pada otot, tendon, serta organ dalaman yang lain

Bagaimana prosedur ini dijalankan?

Mesin Ultrasound yang mempunyai '*probe*' digunakan untuk menghantar gelombang bunyi pada kulit yang telah diletakkan gel berasaskan air (*water-based gel*) untuk menghasilkan imej Ultrasound.

Adakah terdapat risiko semasa prosedur dijalankan?

- Pemeriksaan ultrasound tidak menggunakan sinaran radiasi mengion dan secara umumnya adalah selamat.
- Berkemungkinan alahan terhadap gel berasaskan air (*water-based gel*).

Apakah persediaan yang perlu dilakukan?

- **Leher/ otot/ anggota atas dan bawah:**
Tiada persediaan diperlukan
- **Abdomen (Perut, hati, pundi hempedu, limpa):**
Pesakit perlu berpuasa.
- **Buah pinggang / pelvis (pundi kencing, ovari, uterus, prostate)**
Pundi kencing perlu penuh sebelum pemeriksaan dijalankan.

Persediaan pesakit sebelum prosedur Ultrasound

Janji temu pagi:

Anda dikehendaki berpuasa sekurang-kurangnya 6 jam sebelum masa janji temu. Anda dibenarkan minum air kosong sahaja atau kopi/teh tanpa susu.

Janji temu petang:

Ambil sarapan pagi yang ringan. Anda dikehendaki berpuasa sekurang-kurangnya 6 jam sebelum masa janji temu. Anda dibenarkan minum air kosong sahaja atau kopi/teh tanpa susu.

Pesakit kanak-kanak :

Pesakit dikehendaki berpuasa 4 jam sebelum masa janji temu. Air kosong sahaja dibenarkan.